

MRT Corp latih 20 usahawan bumiputera

Oleh FARHANA HANIM
MOHD. MYDIN

KUALA LUMPUR – Program Usahawan Graduan Muda yang dilancarkan Mass Rapid Transit Corporation Sdn. Bhd (MRT Corp) dengan peruntukan sebanyak RM100 juta bakal memberi peluang kepada 20 pelatih usahawan bumiputera untuk berkecimpung dalam industri pembinaan.

Program yang diwujudkan oleh MRT Corp di bawah Agenda Bumiputera untuk Projek MRT itu dilaksanakan dengan kerjasama Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) dan Rakan Pelaksana Projek MRT, MMC Gamuda KVMRT (PDP) Sdn.



Bhd.

Ketua Pegawai Eksekutif MRT Corp, Datuk Azhar Abdul Hamid (**gambar**) berkata, program itu akan mewujudkan satu kumpulan usahawan bumiputera yang mempunyai kemahiran, keupayaan dan keyakinan untuk memasuki sektor pembinaan di Malaysia mahupun di luar negara.

“Pelatih program terdiri daripada graduan muda daripada 20 syarikat yang telah ditubuhkan untuk program ini bagi memberi pengetahuan serta tunjuk ajar yang boleh diguna pakai apabila mereka menjadi kontraktor atau subkontraktor kelak.

“Semasa latihan tersebut dijalankan dalam tempoh enam bulan hingga satu tahun itu,

para pelatih akan dinilai dan dianugerahkan kontrak untuk kerja pembinaan Projek Laluan MRT Sungai Buloh-Kajang,” katanya pada sidang akhbar di Ibu Pejabat MRT Corp di Bukit Damansara di sini semalam.

Turut hadir Ketua Pegawai Eksekutif PUNB, Dzulkifli Fadzilah dan Pengarah MMC Gamuda KVMRT (PDP) Sdn. Bhd., Datuk Azmi Mat Nor.

Tambah Azhar, melalui program itu, MRT Corp melatih peserta dalam bidang kejuruteraan dan teknikal di samping menjadi batu loncatan bagi graduan muda yang ingin menjadi usahawan.

“Pencarian calon perantis untuk program ini telah dijalankan bersama dengan pihak PUNB dan MMC-Gamuda melalui temu duga pada November 2012, Mei dan Julai lalu,” katanya sambil membe-

ritahu mereka terdiri daripada graduan diploma atau ijazah dalam bidang kejuruteraan, Quantity Surveying serta bidang yang seumpamanya.

Sementara itu, Dzulkifli berkata, para pelatih dalam program itu merupakan graduan yang telah pun menjalani latihan selama setahun bersama PUNB.

Katanya, modul yang disediakan memerlukan para pelatih menubuhkan syarikat berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB).

“PUNB akan memberi geran kepada mereka untuk penubuhan dan menguruskan syarikat dan setelah selesai latihan dengan PUNB, mereka telah melalui proses saringan kedua yang dijalankan bersama MRT Corp dan MMC-Gamuda,” katanya.